

Ekonomi terus

cemerlang: Mahathir

Oleh Mohd Shah Abdullah

KUALA LUMPUR, Selasa — Malaysia akan terus aman dan menikmati pertumbuhan ekonomi lebih baik tahun depan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ditanya harapannya bagi menghadapi 1994, Dr Mahathir yakin kejayaan itu boleh dicapai jika tiada sebarang perkara luar biasa berlaku. Tumpuan ekonomi negara masih dalam sektor elektronik.

Secara keseluruhan, katanya, sepanjang tahun ini Malaysia bernasib baik kerana segala-galanya berjalan lancar dan rakyat menikmati keamanan.

Dr Mahathir berkata Malaysia akan melangkah setapak lagi untuk menjangkakan Wawasan 2020. Untuk itu, negara mesti mencapai pertumbuhan lebih tinggi bagi mengekalkan pencapaian tujuh peratus menjelang genap tempoh berkenaan.

Menurutnya, menjelang 27 tahun lagi, Malaysia mungkin tidak dapat mengekalkan pertumbuhan tinggi seperti sekarang.

"Dalam pada itu kita mesti beringat kerana ada tragedi seperti pangsapuri runtuh dan banjir yang meragut nyawa. Jadi, saya berpendapat sementara kita gembira, kita tidak boleh lupa malapetaka boleh berlaku bila-bila masa," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di akhir lawatan kerjanya ke Angkasapuri di sini hari ini. Hadir sama ialah Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat.

Dalam lawatannya itu, Dr Mahathir yang diringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, mempunyai atur cara padat, termasuk merasmikan surau baru Muhammadi Angkasapuri; melawat model projek perumahan kos rendah; sebuah gelanggang sukan dan perhimpunan Setia kakitangan kementerian itu.

Beliau juga melawat pameran Kualiti (Q) dan menyaksikan persembahan Konsert Untukmu di Auditorium Besar Angkasapuri.

Dr Mahathir berkata Malaysia perlu mengeksport lebih banyak barangan elektronik ke Amerika Syarikat kerana kedudukan ekonomi negara itu semakin pulih dengan mencapai pertumbuhan lebih tiga peratus setahun.

"Pencapaian tiga peratus di Amerika adalah angka besar kerana penduduk mereka 250 juta dan pendapatan per kapita mereka begitu tinggi," katanya.

Perdana Menteri berkata kedudukan ekonomi Jepun juga dijangka pulih dan beliau lebih yakin dengan keadaan di negara itu berbanding perkembangan ekonomi di Eropah.

Mengenai perkembangan isu antara-bangsa, termasuk keyakinannya terhadap Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Dr Mahathir masih tidak berpuas hati dengan fungsi dan kedudukan badan dunia itu.

"Kita tidak puas hati dengan sikap PBB dan negara Eropah," katanya me-

LIHAT MUKA 2

Ekonomi negara kukuh: PM

DARI MUKA 1

ngenai kegagalan badan dunia itu untuk menyelesaikan konflik di Bosnia Herzegovina dan Somalia.

Menurutnya, hanya baru-baru ini sahaja Amerika Syarikat mengundi bersama negara kecil, termasuk negara Islam di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, untuk menyokong supaya sekatan terhadap Bosnia ditarik balik.

Ini adalah bagi membolehkan rakyat negara itu membeli senjata untuk mempertahankan diri mereka sendiri daripada serangan pengganas Serb.

"Pihak lain jelas tidak sanggup mempertahankan hak rakyat di Bosnia," katanya.

Dr Mahathir berkata, apa yang mereka suarakan mengenai hak asasi dan demokrasi hanyalah cakap-cakap kosong saja.

Mengenai lawatannya ke Angkasapuri, Perdana Menteri berkata beliau puas hati dengan perkembangannya, terutama dalam penggunaan teknologi dan peralatan canggih.